

Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru Disiplin Dalam Menjalankan Tugas Di Sekolah Rendah Daerah Segamat.

Mohd Anuar Bin Abd. Rahman & Hj Md Sa'don Bin Virdani

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Bidang pengurusan disiplin merupakan satu bidang yang mencabar pada masa kini. Disiplin boleh menjadi penentu kemajuan dan kejayaan di sesebuah sekolah. Oleh sebab itu kajian diskritif bertujuan untuk memberi fokus kepada tiga aspek utama iaitu mengenal pasti tahap pengetahuan, mengenal pasti tahap kemahiran dan mengenalpasti sikap guru disiplin terhadap diri sendiri, pentadbir, rakan sejawat dan ibubapa murid dalam memainkan peranan mereka sebagai pemimpin disiplin di sekolah. Bagi tujuan kajian ini melibatkan seramai 65 orang responden iaitu 13 orang Guru Penolong Kanan HEM (GPK HEM) dan 52 orang guru penolong dari 13 buah sekolah dalam Zon Kurikulum 4 Daerah Segamat. Kajian ini menggunakan soalselidik yang dibina berdasarkan kepada senarai tugas guru disiplin yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Satu set soal selidik dengan 70 item telah digunakan di dalam kajian ini. Perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) versi 12.0 digunakan untuk menganalisis tugas sebagai guru disiplin berdasarkan min. Satu kajian rintis telah dilakukan kepada seramai 12 orang guru di Sekolah Kebangsaan Temenggong Abdul Rahman 1 Johor Bahru, (STAR 1) bagi mendapatkan kebolehpercayaan item. Nilai Alpha Cronbach yang diperolehi ialah 0.959.. Dapatan menunjukkan tahap pengetahuan dan kemahiran guru disiplin terhadap tugasnya adalah tinggi. Manakala sikap terhadap tugas, rakan dan masyarakat sangat positif. Beberapa cadangan untuk penambahbaikan dikemukakan dalam kajian ini.

Katakunci : kemahiran, sikap guru disiplin, menjalankan tugas

Pengenalan.

Pelbagai istilah digunakan apabila memperkatakan tentang disiplin dan diantaranya ialah nakal, jahat, baik, pendiam, sombong dan berlagak. Kadang kala istilah ini dinyatakan dalam bentuk gelaran tertentu. Perbezaan penggunaan istilah dan gelaran menjejaskan tahap pembentukan yang telah diterima dan diamalkan oleh individu berkenaan dalam menjalani kehidupan seharian. Perbezaan ini tidak akan berakhir tetapi boleh diatasi secara bersama melalui pemupukan disiplin diri yang baik.

Dalam membentuk disiplin diri, kita dan rakan-rakan perlu mengubah persepsi iaitu berusaha dengan bersungguh-sungguh membaca buku dan risalah yang berkaitan dengan disiplin. Apabila individu itu boleh berfikir, memerhati, merancang dan menilai pergerakan seharian, bermakna proses mendisiplinkan diri telah bermula. Tanpa disiplin diri, individu akan bergerak dan bertindak mengikut naluri dalam diri masing-masing.

Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan untuk melihat persepsi guru disiplin dari pandangan pentadbir, rakan sejawat, masyarakat dan murid terhadap tugas dan tanggungjawab guru disiplin dalam menjalankan tugas seharian mereka. Kajian ini juga untuk melihat tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap guru disiplin terhadap tugas dan persekitaran mereka. Bebanan tugas guru disiplin selaku Pengurusan Pertengahan yang berkaitan dengan disiplin bertambah dan mereka

ini tidak terkecuali menjadi guru kelas, sebagai guru rumah sukan dan sebagainya. Pelbagai persepsi yang berbeza tentang guru disiplin, sama ada dari diri guru itu sendiri, pihak pentadbiran, ibubapa dan juga murid. Tiada hak istimewa sebagai penjawat sebagai guru disiplin. Walaubagaimana pun usaha untuk mengurangkan beban tugas guru disiplin selaku pengurusan pertengahan di sesebuah sekolah nampaknya mendapat perhatian pihakpihak tertentu seperti Menteri Pelajaran dan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Mereka sedar, dengan beban tugas guru disiplin yang berat, guru disiplin tidak dapat menjalankan tugas sebagai guru disiplin dengan berkesan. Tugas sebagai guru disiplin buka sahaja sekadar semasa di sekolah, malah ia berlaku semasa di luar waktu persekolahan. Disiplin tidak berakhir pada waktu persekolahan. Ianya berterusan sepanjang masa tanpa had masa. Oleh yang demikian memang sewajarnya guru disiplin ini diberi kuasa penuh dan juga waktu mengajar dikurangkan semimum mungkin agar guru ini dapat menjalankan tugas mereka dengan berkesan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk :

- i) Menenalpasti tahap pengetahuan guru disiplin dalam melaksanakan tugas sebagai guru disiplin sekolah.
- ii) Menenalpasti tahap kemahiran yang dimiliki oleh guru disiplin dalam mengurus disiplin sekolah.
- iii) Menenalpasti sikap guru disiplin terhadap pentadbir, rakan sejawat dan ibubapa murid dalam menjalankan tugas sebagai guru disiplin.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bukan sahaja kepada guru disiplin , pentadbir dan juga pihak sekolah, ianya boleh dijadikan panduan dan semua pihak yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran . Kajian ini juga membolehkan pelbagai pihak membuat penambahbaikan dalam proses melantik guru disiplin terutamanya kepada:

Guru merupakan sumber utama dalam kajian ini kerana :

- a) Melalui kajian ini guru disiplin dapat melihat kekurangan yang ada pada diri mereka dan guru akan mengetahui betapa besarnya peranan mereka dalam menguruskan disiplin sekolah tetapi turut bertanggung jawab kepada kecemerlangan prestasi negara.
- b) Bagi guru-guru yang bakal dilantik menjadi guru disiplin sekolah kajian ini boleh dijadikan panduan dalam mengurus disiplin sekolah..
- c) Melalui kajian ini juga akan dapat dikenalpasti masalah yang dihadapi oleh guru disiplin dalam menjalankan tugas seharian.

Kepada pihak sekolah dan pihak pentadbir.

Melalui kajian ini pihak pentadbir sekolah akan dapat membuat pemilihan yang tepat di dalam melantik seorang guru disiplin sekolah. Selain dari itu kajian ini juga dapat menjadi garis panduan kepada pihak pentadbir dalam urusan melantik guru disiplin.

Kepada Pihak Jabatan dan Kementerian

Melalui kajian ini pihak Jabatan Pelajaran Negeri atau Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dapat :-

- a) Menyediakan bakal-bakal guru yang akan memegang jawatan guru disiplin iaitu dengan menyediakan program-program khusus kepada bakal-bakal guru disiplin di institusi-institusi pendidikan.

- b) Mengadakan program-program latihan atau kursus kepada guru disiplin dan memberi panduan tugas dan peranan mereka sebagai guru disiplin yang telah dilantik.
- c) Mengeluarkan satu garis panduan kepada pihak sekolah dalam melantik seorang guru disiplin yang berkesan
- d) Mempastikan guru disiplin yang dilantik mematuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh kementerian dan jabatan dalam menjalankan tugas sebagai seorang guru disiplin.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk sesuatu kajian ialah teknik dan kaedah tertentu untuk memperolehi maklumat yang diperlukan oleh seseorang penyelidik sosial ke arah penyelesaian masalah (Mohd Majid Konting, 1990). Manakala menurut Kelinger (1986), rekabentuk penyelidikan merupakan perancangan struktur dan strategi dalam kajian yang membolehkan kita memperolehi jawapan-jawapan daripada persoalan sesuatu kajian. Untuk memastikan semua maklumat yang diperolehi sesuai dengan persoalan kajian yang ingin diselesaikan, kajian ini akan menggunakan pendekatan deskriptif kuantitatif secara tinjauan. Menurut Majid (1998), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh manakah tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru disiplin dalam menjalankan tugas.. Data yang diperolehi dengan menggunakan soal selidik yang akan diedarkan kepada responden yang terpilih mewakili populasi iaitu guru-guru di 13 buah sekolah dalam Zon Kurikulum 4 Daerah Segamat, Setiap maklumat telah ditafsirkan secara deskriptif kuantitatif.

Dalam bahagian ini, penyelidik akan menentukan reka bentuk kajian yang akan dilakukan. Pemilihan reka bentuk kajian adalah berdasarkan beberapa ciri persampelan. Manakala bahagian persampelan pula menerangkan tentang siapa yang dipilih menjadi sampel daripada populasi, jumlah sampel yang dipilih daripada populasi dan bentuk pemilihan sampel yang digunakan.

Kaedah pengumpulan data pula menjelaskan instrumen yang digunakan dalam mendapatkan data yang dikehendaki bagi mencapai objektif kajian. Penganalisan terhadap data yang telah dikumpulkan akan dilakukan dalam bahagian kaedah penganalisan data. Data dianalisis bagi membolehkan interpretasi terhadap data dilakukan dan maklum balas daripada responden boleh ditafsirkan. Penganalisan data dengan bantuan perisian komputer menjadi lebih mudah dan menjimatkan masa bagi menentukan dapatan terakhir dalam kajian ini. Data hendaklah dikumpulkan mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan bagi memudahkan membuat analisis data. Kerjasama dari responden amat diperlukan dan pengkaji hendaklah memberi penerangan yang sejelas-jelasnya kepada responden.

Persampelan Kajian.

Populasi adalah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Persampelan kajian ini yang dipilih secara tidak rawak bertujuan iaitu terdiri daripada seorang guru penolong kanan (HEM) dan empat orang guru dari setiap sekolah dalam Zon Kurikulum 4 , Daerah Segamat. kerana ciri-ciri guru dalam zon ini mempunyai situasi persekitaran yang hampir serupa . Zon Kurikulum 4 ialah satu kumpulan sekolah-sekolah yang dikelompokkan oleh Pejabat Pelajaran Daerah Segamat. Sekolah-sekolah ini terletak di dalam kawasan Parlimen Labis dimana kebanyakan daripada pelajarnya terdiri daripada latarbelakang dan sosioekonomi yang sama. Selain daripada itu kecuali Sekolah Kebangsaan Sri Labis, sekolah-sekolah ini merupakan sekolah-sekolah luar bandar, yang jaraknya 30 km atau lebih daripada bandar

Segamat. Terdapat 13 buah sekolah yang terdapat dalam Zon Kurikulum 4 seperti yang terdapat dalam jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1: Sekolah-Sekolah dalam Zon Kurikulum 4 Daerah Segamat

Bil	Nama Sekolah
1.	Sekolah Kebangsaan Desa Temu Jodoh
2.	Sekolah Kebangsaan Seri Bali, Chaah
3.	Sekolah Kebangsaan Seri Bekok
4.	Sekolah Kebangsaan Kampung Kudung
5.	Sekolah Kebangsaan LKTP Maokil 1
6.	Sekolah Kebangsaan LKTP Maokil 2
7.	Sekolah Kebangsaan Labis
8.	Sekolah Kebangsaan Seri Labis
9.	Sekolah Kebangsaan LKTP Tenang
10.	Sekolah Kebangsaan Pekan Air Panas
11.	Sekolah Kebangsaan Kampong Tenang
12.	Sekolah Kebangsaan Sawah Baru
13.	Sekolah Kebangsaan LKTP Chemplak

Instrumen Kajian.

Dalam soal selidik yang digunakan, pengkaji telah menggunakan kaedah soal selidik bagi pengumpulan data dan pentafsiran terhadap data-data yang terkumpul. Kaedah soalselidik yang digunakan adalah dengan cara mengemukakan 70 item soalan di dalam borang soal selidik untuk mendapatkan data berupa jawapan daripada responden. Bagi menyebarkan borang soal selidik kepada responden, pengkaji telah menggunakan cara menyerahkan borang-borang kaji selidik tersebut menerusi Guru Besar sekolah masing-masing. Borang soal selidik yang telah lengkap diisi dikumpulkan semula dalam masa seminggu untuk digunakan oleh pengkaji atas tujuan penganalisan.

Jadual 2: Jadual Menunjukkan Penentuan Item Bagi Mengetahui Tahap Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru Disiplin.

Faktor	Kategori	No.Item	Jumlah
Bahagian B	Item berhubung tahap pengetahuan guru disiplin	1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12 13,14,15,16,17,18,19,20,	20
Bahagian C	Item berhubung tahap kemahiran guru disiplin	21,22,23,24,25,26,27,28,29, 30,31,32,33,34,35,36,37,38, 39,40,41,42,43,44,45,46,	26

Bahagian D	Item berhubung sikap guru disiplin	47,48,49,50,51,52,53,54,55,56,57,58,59,60,61,62,63,64,65,66,67,68,69,70.	24

Soal selidik merupakan instrument utama yang digunakan untuk mengumpul data. Soal selidik ini mengandungi beberapa bahagian iaitu Bahagian A merupakan latar belakang responden, Bahagian B merupakan item-item yang berkaitan dengan tahap pengetahuan guru disiplin, Bahagian C merupakan item-item yang berhubung dengan tahap kemahiran guru disiplin dan Bahagian D pula membincangkan item-item yang berkaitan dengan tahap sikap guru disiplin. Item-item ini dibagikan mengikut tahap yang diklasifikasikan mengikut kumpulan masing-masing sebagaimana Jadual 2 di bawah ini.

Set soalan ini memerlukan responden memberikan jawapan berdasarkan skala pemeringkatan Likert pada lima aras yang berbeza iaitu dari ekstrem negatif ke ekstrem positif seperti pada Jadual 3 di bawah :

Jadual 3 : Skala Likert

Skala Likert	Pengelasan
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Tidak Pasti (TP)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Kajian Rintis.

Kajian rintis telah dijalankan bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrument. Bagi tujuan ini, penyelidik membuat kajian rintis di Sekolah Kebangsaan Temenggong Abdul Rahman 1, Johor Bahru. 10 orang guru penolong dan 2 orang Guru Penolong Kanan dari sekolah ini dipilih untuk menjadi responden bagi kajian rintis ini. Menurut Wiersma (1991), kajian rintis mampu memberi peluang kepada responden untuk memberi komen terhadap kekurangan, kekeliruan dan kekaburan bahasa instrumen. Menurut Mohd Najib (2003), tujuan utama kajian rintis adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Kajian ini juga bertujuan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir dan mengurus instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis. Soal selidik diberikan kepada sekumpulan responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi sebenar.

Analisis kesahan luaran dan indeks kebolehpercayaan yang digunakan dalam kajian rintis adalah untuk mengadakan perbincangan tentang setiap item dengan semua guru, mendapatkan kefahaman mereka untuk setiap item, mendapatkan keterangan sama ada mereka jelas dengan setiap pernyataan perkataan dan ayat dalam setiap item yang diberi dan membuat catatan bagi setiap masalah yang dihadapi oleh sampel kajian rintis dan mengubahsuai ayat atau bahasa yang kurang difahami oleh sampel untuk mewakili kefahaman responden sebenar kajian.

Pengkaji telah menentukan keofisien kebolehpercayaan kandungan instrument kajian dengan mencari nilai *Alpha Cronbach*. Menurut Alias Baba (1999), *Alpha Cronbach* adalah satu cara untuk mencari ketekalan dalaman atau keseragaman soalan. Kebolehpercayaan bagi instrumen yang dijalankan terhadap responden mestilah dengan indeks yang tinggi , iaitu 0.8

hingga 1.0. Pengkaji boleh mengubah suai struktur soal selidik sekiranya didapati perlu diperbaiki sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis yang diadakan berjalan lancar tanpa sebarang masalah bagi guru untuk memahami isi kandungan soalan yang diberikan.. Borang soal selidik yang telah siap akan dikumpulkan dan data-data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan program *Perisian Statistical Package For Social Science (SPSS)*

Analisis Data

Tahap SikapGuru Disiplin terhadap tugas berada pada tahap yang tinggi. Analisis ini dapat ditunjukkan seperti dalam Jadual 4 di bawah ini.

Jadual 4 di atas menunjukkan taburan kekerapan, peratusan dan min responden mengikut sikap guru disiplin terhadap tugasnya dan didapati purata minnya adalah positif. Berdasarkan hasil kajian, skor min yang tertinggi adalah 4.40 yang diberikan oleh item ‘guru disiplin sekolah saya mempunyai sikap yang sentiasa membantu mengatasi masalah disiplin sekolah’. Diikuti dengan item ‘guru disiplin sekolah saya mempunyai sikap yang mudah mesra bersama ibubapa yang hadir ke sekolah’ dengan skor min 4.35 dan skor min bagi item ‘guru disiplin sekolah saya mempunyai sikap yang baik dalam hubungan dengan ibubapa murid’ adalah 4.34. Skor min bagi item ‘guru disiplin sekolah saya mempunyai sikap yang positif dalam menyelesaikan masalah disiplin murid’ dan item ‘guru disiplin sekolah saya mempunyai sikap yang sentiasa terbuka bila menerima kehadiran ibubapa ke sekolah’ adalah sama iaitu 4.32. Skor min 4.31 diberikan oleh item ‘guru disiplin sekolah saya mempunyai sikap yang mudah dihubungi oleh murid untuk meminta bantuan jika terdapat masalah disiplin’, item ‘guru disiplin sekolah saya mempunyai sikap yang tegas oleh murid-murid’ dan item ‘guru disiplin sekolah saya mempunyai sikap yang mudah bekerjasama dengan ibubapa murid’.

Jadual 4 : Taburan kekerapan, peratus dan min responden mengikut sikap

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min
47. sangat berminat sebagai seorang guru disiplin.	-	-	13 20.0%	31 47.7%	21 32.3%	4.12
48. positif dalam menyelesaikan masalah disiplin murid.	-	-	3 4.6%	38 58.5%	24 36.9%	4.32
49. mudah dihubungi oleh murid untuk meminta bantuan jika terdapat masalah disiplin.	-	-	2 3.1%	41 63.1%	22 33.8%	4.31
50. amanah serta menjaga kerahsiaan murid yang bermasalah.	-	-	7 10.8%	41 63.1%	17 26.2%	4.15
51. komited terhadap tugas sebagai seorang guru disiplin	-	-	4 6.2%	39 60.0%	22 33.8%	4.28
52. Sentiasa bersedia menerima arahan dari guru besar.	-	-	4 6.2%	40 61.5%	21 32.3%	4.26
53. mudah menerima pandangan dari rakan sejawat.	-	-	5 7.7%	37 56.9%	23 35.4%	4.28
54. sentiasa terbuka bila menerima kehadiran ibubapa ke sekolah.	-	-	3 4.6%	38 58.5%	24 36.9%	4.32
55. baik dalam hubungan dengan ibubapa murid.	-	-	6 9.2%	31 47.7%	28 43.1%	4.34
56. mudah mesra bersama ibubapa	-	-	4	34	27	4.35

yang hadir ke sekolah.			6.2%	52.3%	41.5%	
57. mesra bersama murid-murid.	-	-	4 6.2%	39 60.0%	22 33.8%	4.28
58. tegas oleh murid-murid.	-	-	3 4.6%	39 60.0%	23 35.4%	4.31
59. bertanggungjawab menyimpan dokumen ibubapa dan penjaga murid dengan selamat.	-	-	8 12.3%	36 55.4%	21 32.3%	4.20
60. mudah bekerjasama dengan ibubapa murid.	-	-	3 4.6%	39 60.0%	23 35.4%	4.31
61. boleh dicontohi oleh murid-murid.	-	-	4 6.2%	40 61.5%	21 32.3%	4.26
62. digeruni oleh murid-murid	-	8 12.3%	16 24.6%	27 41.5%	14 21.5%	3.72
63. Sentiasa untuk meningkatkan pengetahuan yang berkaitan dengan disiplin.	-	-	10 15.4%	39 60.0%	16 24.6%	4.09
64. sentiasa mengambil berat kebajikan murid.	-	-	5 7.7%	46 70.8%	14 21.5%	4.14
65. sedia membantu rakan sejawat yang mengalami masalah disiplin dengan murid.	-	-	3 4.6%	41 63.1%	21 32.3%	4.28
66. Membantu pihak pentadbir mengadakan kempen berkaitan disiplin murid.	-	-	10 15.4%	38 58.5%	17 26.2%	4.11
67. Sentiasa bersedia menjadi rakan pembimbing kepada guru-guru yang menjadi lembaga pengawas sekolah.	-	-	6 9.2%	38 58.5%	21 32.3%	4.23
68. Sentiasa membantu pihak pentadbiran mengendalikan kursus pengawas setiap tahun.	-	-	6 9.2%	40 61.5%	19 29.2%	4.20
69. Sentiasa bertindak secara profesional dalam mengendalikan masalah disiplin di sekolah	-	-	4 6.2%	40 61.5%	21 32.3%	4.26
70. Sentiasa membantu mengatasi masalah disiplin sekolah.	-	-	2 3.1%	35 53.8%	28 43.1%	4.40
Purata						4.23

Manakala skor min bagi item ‘guru disiplin sekolah saya mempunyai sikap yang digeruni oleh murid-murid’ memberikan skor min yang terendah iaitu 3.72. Diikuti dengan skor min bagi item ‘guru disiplin sekolah saya mempunyai sikap yang sentiasa untuk meningkatkan pengetahuan yang berkaitan dengan disiplin’ iaitu 4.09 dan skor min bagi item ‘guru disiplin sekolah saya mempunyai sikap yang membantu pihak pentadbir mengadakan kempen berkaitan disiplin murid’ adalah 4.11. Bagi item ‘guru disiplin sekolah saya mempunyai sikap yang sangat berminat sebagai seorang guru disiplin’ memberikan skor min 4.12 dan item ‘guru disiplin sekolah saya mempunyai sikap yang sentiasa mengambil berat kebajikan murid’ memberikan skor min 4.14. Seterusnya, skor min bagi item ‘guru disiplin sekolah saya mempunyai sikap yang amanah serta menjaga kerahsiaan murid yang bermasalah’ adalah 4.15 dan skor min keseluruhan adalah 4.23.

Perbincangan

Perbincangan dalam kajian ini meliputi beberapa aspek yang penting yang berkaitan dengan analisis data dalam bab empat ini meliputi empat aspek penting iaitu: (a) tahap

pengetahuan guru disiplin dalam melaksanakan tugas, (b) tahap kemahiran yang dimiliki oleh guru disiplin dan (c) sikap guru disiplin terhadap diri mereka sendiri, kepada pentadbir, dan ibubapa semasa menjalankan tugas sebagai guru disiplin yang berjaya.

Dalam kajian untuk mengetahui tahap pengetahuan guru disiplin dalam melaksanakan tugas dan peranan mereka sebagai seorang guru disiplin, hasil kajian mendapati, berdasarkan purata min yang diperolehi berkaitan dengan tahap pengetahuan guru disiplin dalam melaksanakan tugas dan peranan mereka adalah sangat tinggi. Ini menunjukkan komitmen mereka dalam menjalankan tugas seharian. Selain itu ia juga menunjukkan bahawa perlantikan guru disiplin di sekolah-sekolah dalam Zon Kurikulum 4 Daerah Segamat adalah baik dan betul. Hasil kajian menunjukkan semua guru disiplin yang dilantik mempunyai pengetahuan yang luas dalam menangani masalah disiplin terutama yang berkaitan dengan jenayah dan kes polis. Mereka dapat bertindak mengikut prosedur yang telah ditetapkan ketika mengambil tindakan. Hal ini amat penting kerana jika mereka menjalankan tugas yang bertentangan dengan peraturan mereka akan dipersalahkan atau pun disaman oleh ibubapa yang terlibat. Dalam melaksanakan tugas, guru disiplin perlulah menjadikan pekeliling ikhtisas yang berkaitan dengan disiplin sentiasa dirujuk.

Prosedur kerja amat penting kerana setiap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar hendaklah dilaporkan dan direkodkan sebelum diambil sebarang tindakan. Manakala pelajar pula hendaklah diberi peluang secukupnya untuk membela diri mereka supaya tidak timbul ketidakadilan dalam tindakan.

Walaupun ramai guru disiplin yang kurang pengetahuan dalam proses untuk melaporkan kesalahan disiplin yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. Boleh dikatakan hampir tidak ada laporan tentang penggunaan dadah di sekolah rendah. Ini kerana kesalahan tersebut tidak pernah dilakukan oleh pelajar di sekolah rendah. Oleh sebab itu, ramai guru disiplin tidak mengambil berat atas prosedur tindakan pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Perkara ini menunjukkan di sekolah rendah, masalah penyalahgunaan dadah bukanlah satu masalah disiplin yang serius dan mungkin juga tidak pernah berlaku penyalahgunaan dadah di kalangan murid sekolah rendah. Mungkin disebabkan faktor inilah yang menyebabkan guru disiplin kurang memberi perhatian terhadap kes-kes seperti ini. Selain dari itu "Program Lima Minit Dadah" yang dibuat di sekolah-sekolah pada setiap hari sebelum pengajaran dan pembelajaran bermula menyebabkan timbul kesedaran di kalangan murid tentang keburukan penyalahgunaan dadah. Selain dari itu pameran dan penerangan yang selalu diadakan sama ada oleh pihak Pejabat pelajaran daerah atau pun badan bukan kerajaan terhadap bahayanya penggunaan dadah.

Untuk mengetahui tahap kemahiran yang dimiliki oleh guru disiplin dalam menjalankan tugas sebagai seorang guru disiplin di sekolah mengikut analisis dalam jadual 4.8, menunjukkan taburan kekerapan, peratusan dan min responden mengikut kemahiran guru disiplin sekolah, didapati skor min keseluruhan adalah amat positif. Melalui analisis ini kita dapati guru disiplin di sekolah-sekolah dalam Zon Kurikulum 4 Daerah Segamat mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menjalankan tugas sebagai seorang guru disiplin. Ini menunjukkan bahawa guru-guru disiplin dapat membantu pihak pentadbiran dalam menyelesaikan masalah yang timbul di sekolah-sekolah. Dari skor min yang diperolehi di dapati bahawa skor min yang tertinggi adalah yang berkaitan dengan item 'guru disiplin sekolah saya mempunyai kemahiran yang luas dan bekerjasama dengan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM)'. Ini bermakna hubungan yang erat di antara guru disiplin dengan Guru Penolong Kanan HEM amat penting dalam mengatasi masalah disiplin. Duckworth (1984), mendapati kepuasan tentang polisi disiplin

sekolah di kalangan guru mempunyai kaitan yang rapat dengan pentadbiran sekolah. Komunikasi yang berkesan dan perkongsian nilai adalah elemen yang penting dalam hubungan erat antara Guru Besar, Guru Penolong Kanan HEM dengan guru-guru. Guru disiplin bertindak sebagai pengurusan pertengahan di antara Guru Penolong Kanan HEM dengan guru-guru penolong dan murid dalam menjalankan tugas mengawal disiplin di sekolah-sekolah. Jika hubungan yang kurang baik berlaku, pasti akan timbul masalah disiplin yang serius di sekolah tersebut. Dalam hal ini GPK HEM memerlukan bantuan dari guru disiplin dalam menyelesaikan segala masalah yang timbul berkaitan disiplin murid kerana masalah disiplin terletak di bawah bidang kuasa GPK HEM.

Rujukan

- Azizi Yahya Et.Al. (2007), *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. PTS Profesional. Kuala Lumpur.
- Azizi Yahya dan Abdul Latih Ahmad. (2005), *Persepsi Guru dan Pelajar Terhadap Perlakuan Buli di Kalangan Pelajar Sekolah-Sekolah Menengah di Daerah Batu Pahat*. Jurnal Teknologi Pendidikan UTM. Disember 2005.
- Bench – Capon (1990). Sheila Hughes : *Transfer of Natural Metaphos to Parallel Problem Soloin Application*.PPSN 1990:363.372
- Borgadus, E. S. “A Race Relations Cycle” *American Journal of Sociology*, 68, no. 6. 1968.
- Chiam Heng Kee. (1994). *Bringing Up Children in Trouble Times*. Pelanduk Publication.
- Duke, D. L. dan R. L. Canday (1991) *School policy*. New York : McGraw-Hill,Inc.
- Ee Ah Meng.(1990). *Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling*. Fajar Bakti. Petaling Jaya.
- Ee Ah meng. (1994). *Perkembangan dan Pelaksanaan Kurikulum*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti.
- Gartner Group. (200), *Knowledge Management History*. www. Knowledgeportal. com.2 Jun 2007.
- Giarratano and Riley (1998) *Expert Systems 3rd edition. Principles and Programming* September 1998
- Hyman, I.A. & Snook. P.P. (1999) . *Dengerous school : What we can do about the physical and emotional abuse of our children*. San Francisco, CA : Jossey-Blass Inc.
- Ibrahim Mamat. (2001). *Pengetua Sekolah Menangani Isu dan Cabaran Kepimpinan*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman.
- Kamarudin Hj. Husin dan Kamarul Azhar. (1994). *Asas Pendidikan III : Perkembangan Dan Pelaksanaan Kurikulum*. Kuala Lumpur : Longman Malaysia.
- Mohd. Saudi b. Abd.Rahman (1998). “ *Beban tugas guru di sekolah menengah*”. Tesis Sarjana Sains (Pengurusan) yanh tidak diterbitkan. UUM.
- Omardin Ashaari. (1996).*Pengurusan Sekolah*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Omar Mohd. Hashim (1993). *Pendidikan – Persoalan, penyelesaian dan harapan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimah,(1982). *Peraturan.dan Perundangan Disiplin Pelajar*. PTS Sd n Bhd.
- Robiah Sidin. (2003). *Teori Pentadbiran Pendidikan*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulaiha bt. Chik (2001). *Persepsi pelajar terhadap nenerapa aspek guru dalam membentuk disiplin di dalam bilik darjah*. Tesis Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Februari 2001.